

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO
(KLANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.10.2016

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesudian Kerajaan untuk memansuhkan caj GST ke atas semua ubat dan perkhidmatan kesihatan untuk pesakit barah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin ke atas kebajikan pesakit untuk meringankan tanggungan kos

perubatan. Dengan itu, Kerajaan telah membuat penambahbaikan layanan GST termasuk pengenaan GST pada kadar sifar ke atas:

1. semua jenis ubat terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D di bawah Suffix A;
2. ubat *over the counter* di bawah Suffix X dan N di bawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan (NEML); dan
3. Ubat-ubatan di bawah NEML yang diklasifikasikan sebagai peranti perubatan.

Sehingga kini, sebanyak lebih kurang 9,000 jenama ubat di bawah Suffix A, X dan N telah diberi layanan GST kadar sifar. Layanan GST pada kadar sifar ini adalah meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit termasuk semua jenis ubat yang sedia ada bagi penyakit barah yang dikategorikan sebagai ubat terkawal.

Dari segi perkhidmatan kesihatan untuk pesakit barah, perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah dikecualikan daripada GST. Kemudahan ini adalah berdasarkan Butiran 18, Jadual Kedua, Subperenggan 2(1), Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014.